



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 5 FEBRUARI 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

# Perlu anjakan paradigma ke arah sumber tenaga alternatif

**Kenaikan** tarif elektrik membabitkan industri perlu dilakukan bukan sahaja untuk memastikan kewangan negara kekal sihat, bahkan menjamin perkhidmatan kepada rakyat tidak terjejas, terutama membabitkan keperluan asasi termasuk kesihatan dan pendidikan. Namun, sebarang penambahan pada kos sumber tenaga tentu membawa kesan rantai hingga boleh menyebabkan peningkatan harga barang dan perkhidmatan.

Justeru, jaminan kenaikan tarif elektrik yang dijadualkan bermula separuh kedua tahun ini tidak membebani dan merugikan industri yang diberikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sangat signifikan supaya tidak meningkatkan gangguan besar dalam ekonomi negara. Malah, beliau sekali lagi menjelaskan isu itu pada sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam, sekali gus menegaskan isi rumah berpendapatan rendah tidak terjejas oleh semakan tarif berkenaan.

Namun, kita mengakui tentu ada pihak berkira-kira mengan Lukah di penggantian dengan cuba 'menyalurkan' sebarang kos kenaikan walaupun minimum kepada pengguna dengan menaikkan harga barang atau perkhidmatan. Kebimbangan ini ada atasnya berdasarkan rekod berlaku sebelum ini apabila pentadbiran kerajaan lalu terpaksa menaikkan tarif akibat kenaikan harga bahan api.

Justeru, ketika ekonomi masih dalam fasa pemulihan, sebarang perubahan kos operasi sektor industri perlu dikawal agar tidak menjadi alasan kepada peniaga untuk mencatut harga. Kerajaan terutama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) perlu meningkatkan pemantauan terhadap rantai bekalan, manakala tindakan tegas wajib diambil terhadap mana-mana pihak cuba mengaut keuntungan berlebihan dengan berse�indung di sebalik kenaikan tarif.

Pada masa sama, sebagai negara berhasrat menjadi ekonomi berpendapatan tinggi, Malaysia perlu bergerak ke arah sistem lebih cekap dan mampu dalam pengurusan tenaga. Kenaikan tarif industri perlu dijadikan pemangkin kepada syarikat untuk mengoptimalkan penggunaan tenaga, bukan sekadar memindahkan kos kepada pengguna akhir. Langkah seperti beralih kepada sumber tenaga boleh diperbaharui, terutama tenaga solar perlu digiatkan, apatah lagi kerajaan juga menyediakan pelbagai insentif untuk tujuan ini.

Kita juga mengingatkan semua pihak perlu menjadi pengguna lebih bertanggungjawab meskipun kerajaan memberikan subsidi elektrik kepada lebih 85 peratus isi rumah bertujuan melindungi rakyat daripada tekanan kos sara hidup. Sebarang pembaziran elektrik di rumah atau pejabat perlu dihentikan, manakala penggunaannya dalam keadaan seperti pepatah 'ingat sebelum kena, jimat sebelum habis'.

Hakikatnya, sikap berhemat dalam penggunaan tenaga bukan sahaja mengurangkan bil elektrik, malah membantu dalam memastikan sumber tenaga negara digunakan secara lestari. Malah, kita menyarankan isi rumah memanfaatkan insentif diberikan kerajaan untuk menjana tenaga boleh baharu seperti Skim Insentif Solar Untuk Rakyat (SolaRIS).

Pada akhirnya, isu kenaikan tarif ini perlu dilihat dalam konteks lebih luas kerana negara tidak boleh selama-lamanya bergantung kepada subsidi tinggi, tetapi tidak boleh membiarkan industri dan rakyat menanggung beban tanpa kawalan. Justeru, selain pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang tegas, anjakan paradigma ke arah sumber tenaga alternatif perlu dibuat memastikan keseimbangan antara keperluan fiskal negara dengan kesejahteraan rakyat.

## 6 dicekup di premis penyimpanan minyak

**Kota Kinabalu:** Pasukan Polis Marin (PPM) menumpaskan kegiatan penyelewengan diesel bersubsidi apabila menahan enam lelaki dan merampas 102,300 liter diesel subsidi di stor penyimpanan minyak di, Inanam di sini, kelmarin.

Serbuan jam 12 tengah hari oleh Unit Gempur Marin (Ungerin) PPM Wilayah Empat Sabah turut merampas beberapa kenderaan termasuk lori tangki dengan anggaran nilai keseluruhan RM1,239,545.

Komander PPM Wilayah Empat Sabah, Asisten Komisioner Nazri Ibrahim berkata, serbuan dijalankan menerusi Op Taring Landai.

"Pemeriksaan di dalam premis mendapati ada aktiviti penyimpanan minyak diesel bersubsidi tanpa kebenaran.

"Siasatan lanjut mendapati mereka gagal me-

nunjukkan dokumen pemilikan/menyimpan barang bersubsidi yang sah dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)," katanya.

Menurutnya, ada enam lelaki tidak dikenali disyaki pekerja di dalam premis itu.

"Semua suspek berusia 20 hingga 50 tahun ditahan dan 12 tangki simpanan, enam kenderaan termasuk lori tangki dan minyak diesel dianggarkan 102,300 liter dirampas.

"Pasukan serbuan merampas tujuh motor pam, empat tong dan gulung hos minyak pelbagai saiz," katanya.

Beliau berkata, semua tangkapan dan barang rampasan diserah kepada KPDN untuk siasatan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.



PEMERIKSAAN menemui lori tangki di premis yang diserbu PPM Wilayah Empat Sabah.



# 水警下南南捣破非法储油库 起 10 万公升柴油逮 6 男



▲水警查获 12 个储油罐。

(本报亚庇 4 日讯) 沙巴水警行动部队突袭下南南非法储油库，查获 10 万公升补贴柴油及 6 人落网。

沙巴水警昨日在下南南突袭一间非法石油储存库，成功查获 102,300 公升补贴柴油，并逮捕 6 名男子，捣毁了一起非法转移补贴柴油的案件。

这次行动由沙巴第四区海上突击队

(Ungerin) 在中午 12 时展开，并查获多辆车辆，包括一辆油罐车，涉案物品估计总值高达 1,239,545 令吉。

沙巴第四区水警部队指挥官纳兹里依布拉欣表示，此次行动是在“Op Taring Landai”行动框架下展开的。

“经过检查，执法人员发现该储存库非法存放补贴柴油，并未获得任何许可证。”他说。

此外，他说，调查也发现，涉案人员未能出示国内贸易及生活成本部 (KPDN) 发出的补贴柴油合法存储文件。

“有 6 名年龄介于 20 岁至 50 岁的男子被捕，他们疑似是该处所的工作人员。”

纳兹里表示，水警在此次行动中缴获

了 12 个储油罐，以及 6 辆涉及运输柴油的车辆，包括一辆油罐车。

“此外，行动小组还扣押了 7 台泵电机、4 个油桶及多条不同尺寸的输油管。”

纳兹里补充说，所有查获物品的总估值高达 1,239,545 令吉。

他说，目前，所有嫌犯和扣押物品已移交国内贸易及生活成本部进行进一步调查，案件将根据 1961 年《供应控制法令》第 21 条文处理。

较早时，水警在一周前在亚庇一带突袭另一家涉嫌非法存储补贴柴油的店铺。

在该次突袭中，执法人员成功查获了 93,100 升补贴柴油，并逮捕了 10 名男子。

他强调，警方将持续打击非法燃油买卖，确保国家补贴资源不会被滥用。

他说，水警将继续加强执法行动，以杜绝此类非法柴油转移和走私活动。

(O80)



▲下南南一间非法储油库被水警起获 10 万公升补贴柴油。



▲水警起获 6 辆涉及运输柴油的车辆及逮捕 6 人。



## Enam ditahan bersama 102,300 liter diesel

KOTA KINABALU: Enam lelaki yang dipercayai menjalankan aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi ditahan dalam serbuan di sebuah stor penyimpanan minyak di Inanam, di sini, semalam.

Dalam operasi jam 12 tengah hari itu, operasi yang dijalankan Pasukan Polis Marin (PPM) itu turut merampas 102,300 liter diesel.

Unit Gempur Marin (Ungerin) PPM Wilayah Empat Sabah itu turut merampas beberapa kenderaan termasuk lori tangki yang dianggarkan bernilai keseluruhan sebanyak RM1.239 juta.

Komander PPM Wilayah Empat Sabah, Asisten Komisioner Nazri Ibrahim berkata, dalam operasi Op Taring Landai itu, pasukan operasi mendapati premis berkenaan menjalankan aktiviti penyimpanan minyak diesel bersubsidi tanpa kebenaran.

"Siasatan lanjut juga mendapati mereka gagal menunjukkan dokumen

pemilikan/menyimpan barang bersubsidi yang sah dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN).

"Pasukan operasi turut menahan enam lelaki disyaki pekerja di premis berkenaan," katanya dalam kenyataan media.

Nazri berkata, semua suspek berusia lingkungan 20 hingga 50 tahun terus ditahan bersama 12 tangki simpanan, enam kenderaan termasuk lori tangki dan minyak diesel dianggarkan 102,300 liter.

"Pasukan serbuan turut merampas tujuh unit motor pam, empat tong dan gulung hos minyak pelbagai saiz.

"Anggaran nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM1,239,545," katanya.

Menurutnya, semua tangkapan dan barang rampasan diserahkan kepada pihak KPDN untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.



**DITAHAN ...** Antara suspek yang ditahan untuk siasatan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.



The 102,300 liters of diesel seized from the store in Inanam.

## 102,300 liters of diesel seized from store in Inanam

**KOTA KINABALU:** The Marine Operation Force (MOF) seized 102,300 liters of subsidised diesel from a store in Inanam here on Monday.

MOF Sabah Region Four Commander, Assistant Commissioner Nazri Ibrahim said the operation was carried

out following a tip-off at around 12pm.

Nazri said police seized 12 skid tanks, six vehicles, seven motor pumps and other items valued at RM1,239,545 in the operation.

Six men, who are believed to be employees at the store aged 20 to 50, were detained to assist in the

investigation. Nazri added that store owner did not have any valid authority or license to store the controlled items.

All the confiscated items will be handed to the Ministry of Domestic Trade and Costs of Living for investigation under the Supply Control Act 1961.

# PENYELEWENGAN DIESEL TUMPAS


Oleh Vivi Oliviana Najurus

**KOTA KINABALU:** Pasukan Polis Marin (PPM) berjaya menumpaskan kegiatan penyelewengan diesel bersubsidi dan menahan enam lelaki selain merampas 102,300 liter diesel subsidi di stor penyimpanan minyak di Inanam di sini.

Komander PPM Wilayah Empat Sabah, Asisten Komisioner Nazri Ibrahim, berkata serbuan menerusi Op Taring Landai itu dijalankan kira-kira jam 12 tengah hari oleh Unit Gempur Marin (Ungerin) PPM Wilayah Empat Sabah Ismin lalu.

Katanya, sepanjang operasi terbabit, pasukan serbuan merampas beberapa kenderaan termasuk lori tangki dengan anggaran nilai keseluruhan serbuan kira-kira RM1,239,545.

"Hasil pemeriksaan yang



**RAMPAS:** Tangki simpanan minyak yang dirampas dalam serbuan ini.

dilakukan di dalam premis berkenaan mendapati penyimpanan minyak diesel bersubsidi tanpa kebenaran.

penyimpanan minyak diesel bersubsidi tanpa kebenaran.

"Siasatan lanjut juga mendapati mereka gagal menunjukkan dokumen pemilikan atau menyimpan barang bersubsidi yang sah dari Kementerian

- PPM rampas 102,300 liter diesel bersubsidi, enam lelaki ditahan menerusi Op Taring Landai

Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDNH)," katanya dalam kenyataan media di sini semalam.

Memurutnya, terdapat enam lelaki yang tidak dikenali yang disyaki sebagai pekerja di dalam premis berkenaan.

"Semua suspek berusia lingkungan 20 hingga 50 tahun ditahan dan 12 tangki simpanan, enam kenderaan termasuk lori tangki dan minyak diesel dianggarkan 102,300 liter dirampas. "Pasukan serbuan turut merampas tujuh unit motor pam, empat tong dan guling hos minyak pelbagai saiz dengan anggaran nilai

rampasan RM1,239,545," katanya.

Beliau berkata, semua tangkapan dan barang rampasan diserahkan kepada pihak KPDN untuk siasatan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Serbuan ini susulan kejayaan PPM menyerbu sebuah stor penyimpanan disyaki minyak diesel bersubsidi di sekitar kawasan bandar raya ini, seminggu yang lalu.

"Dalam serbuan itu, merampas 93,100 liter diesel, beberapa kenderaan serta menahan 10 lelaki," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**

# Harga kelapa, bunga melur melonjak menjelang Thaipusam

Menjelang Thaipusam yang akan disambut 11 Februari ini, pengikut Hindu serta peniaga barang keperluan keagamaan berdepan kekurangan bekalan dan kenakan harga ketara, khususnya kelapa dan bunga melur.

Tinjauan mendapati harga kelapa, yang digunakan dalam upacara pemujaan serta masakan perayaan, meningkat berikutan permintaan tinggi dan bekalan terhad.

Pemilik kedai barang sembahyang di Pudu, Jayabalanan Ramasamy, 57, berkata kelapa biasanya digunakan dalam dua bentuk, iaitu untuk dipecahan

secara ritual dan sebagai bahan masakan.

"Upacara memecahkan kelapa biasanya membabitkan jumlah buah yang banyak, boleh mencapai 108 biji sekali gus, manakala kelapa bersaiz lebih besar digunakan untuk memasak," katanya.

Menurutnya, kelapa kini dijual pada harga RM2.80 hingga RM3.00 sebiji, tetapi kedainya masih mengekalkan harga RM2.50.

"Sebelum ini, kami menjual pada harga lebih rendah, namun terpaksa menaikkannya sebelum tahun baharu kerana bekalan berkurangan dan harga daripada pemborong semakin tinggi. Ka-

dangkala pembekal sendiri sukar dapat bekalan, menyebabkan mereka beli daripada sumber lain pada harga lebih tinggi," katanya.

Pekerja kedai barang sembahyang, N. Balamurugan, 38, mengakui harga kelapa meningkat ketara berbanding tahun sebelumnya.

"Sebelum ini, bekalan kelapa lebih stabil, tetapi kini semakin sukar diperoleh. Saya difahamkan keadaan ini kerana cuaca tidak menentu serta peningkatan permintaan menjelang Thaipusam. Dulu, kami jual kelapa RM2.50 sebiji, kini terpaksa naikkan kepada RM3 kerana kekurangan beka-

lan," katanya.

Harga bunga melur yang sering digunakan dalam ritual keagamaan dan sebagai perhiasan rambut wanita turut meningkat.

Pekerja kedai bunga di Jalan Masjid India yang hanya muhodikenali sebagai Thiagu, berkata permintaan tinggi menjelang Thaipusam menyebabkan harga bunga melambung.

"Biasanya, harga bunga melur sekitar RM30 sekilogram, kini boleh cecah RM50 kerana bekalan terhad. Bagaimanapun, harga dijangka kembali normal dalam tempoh seminggu selepas perayaan," katanya.

BERNAMA

## Subsidi, logistik penting kawal harga kelapa

Sokongan berterusan dalam bentuk subsidi serta penambahbaikan logistik amat penting bagi memastikan kestabilan harga barang keperluan asas seperti kelapa, khususnya menjelang musim perayaan.

Presiden Dewan Perniagaan dan Industri India Kuala Lumpur dan Selangor (KLSICCI), Nivaas Ragavan, berkata Thailpusam yang semakin hampir menyaksikan lonjakan permintaan terhadap barang tertentu, termasuk kelapa, sekali gus memberi tekanan kepada rantai bekalan dan menyebabkan ketidaktentuan harga.

"Kekangan pengangkutan serta keperluan penghantaran tepat pada masanya menambah cabaran kepada pembekal, menyumbang kepada peningkatan harga sementara bagi barang ini menjelang perayaan," katanya.

Beliau turut menekankan pernyasaran semula subsidi diesel memberi kesan ketara kepada kos pengangkutan yang akhirnya menjadikan harga pengguna.

"Vendor dan pembekal kini berdepan kos logistik lebih tinggi, sekali gus mendorong ke naikan harga barang. Situasi ini lebih mencabar ketika musim perayaan apabila permintaan terhadap pengangkutan lebih mendesak," katanya.

Mengenai cabaran vendor kecil mendapatkan bekalan dan menjual barang keperluan sepanjang musim perayaan seperti Thailpusam, Nivaas berkata, mereka terpaksa menghadapi peningkatan harga daripada pemborong, kekurangan stok serta kos logistik dan pengangkutan yang semakin tinggi.

"Terdapat juga isu kekangan aliran tunai memandangkan kebanyakan vendor kecil beroperasi dengan bajet terhad, menyuarakan mereka mendapatkan banyak stok. Namun, vendor kecil tetap berdaya tahan dengan bekerja lebih lama bagi memenuhi permintaan dan memastikan kelangsungan perniagaan mereka," katanya.

Sehubungan itu, beliau menegaskan, penyelesaian terhadap cabaran ini memerlukan pendekatan menyeluruh melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk pengeluar dan pembuat dasar.

"Pelaburan dalam infrastruktur logistik yang lebih baik, pemberian subsidi bagi barang keperluan sepanjang musim perayaan serta program sokongan untuk vendor kecil dapat membantu menstabilkan bekalan dan harga," katanya. —BERNAMA



DENGAN menangani cabaran penentuan kelayakan, keperluan isi rumah, dan penyepaduan pangkalan data, kerajaan boleh membangunkan rangka kerja pengagihan subsidi yang lebih adil dan cekap.

## Pastikan subsidi bersasar dibuat secara adil

**MELAKSANAKAN** sistem subsidi bersasar mempunyai kerumitannya. Pertimbangan utama termasuklah bagaimana cara untuk menilai secara saksama kelayakan untuk subsidi, terutamanya bagi isi rumah yang mempunyai pelbagai keperluan, seperti mereka yang mempunyai pelbagai kenderaan atau keperluan perjalanan berkaitan kerja.

Ia juga melibatkan menangani senario seperti isi rumah dengan beberapa motosikal tetapi tiada kereta atau mereka yang mempunyai kedua-dua kereta dan motosikal. Cabaran lain ialah menentukan sama ada subsidi perlu diagihkan sebagai pemindahan tunai atau melalui mod pembayaran tanpa sentuh.

Tambahan pula, menghubungkan pangkalan data merentasi pelbagai jabatan dan agensi kerajaan adalah penting untuk mewujudkan sistem yang komprehensif dan berpusat untuk pentadbiran yang berkesan.

Menurut pakar ekonomi Profesor Emeritus Dr. Barjot Singh, hanya kira-kira tiga peratus daripada penduduk, atau kira-kira satu juta rakyat Malaysia, termasuk dalam kategori T15. Sistem subsidi bersasar mungkin memerlukan kumpulan ini membayar harga tanpa subsidi, mencerminkan penggunaan bahan api yang lebih tinggi dan keupayaan mereka untuk membayar pada kadar pasaran.

Pendekatan ini akan memastikan subsidi dikhaskan untuk kumpulan berpendapatan rendah tanpa mengenakan beban yang tidak wajar kepada isi rumah yang lebih kaya. Sistem subsidi bersasar bagi petrol RON95 dan diesel adalah penting untuk mengurangkan penyalahgunaan dan memastikan sumber ini memberi manfaat kepada mereka yang benar-benar memerlukan.

Dengan menangani cabaran penentuan kelayakan, keperluan isi rumah, dan penyepaduan pangkalan data, kerajaan boleh membangunkan rangka kerja yang lebih adil dan cekap. Sistem sebegini bukan sahaja akan membendung pembaziran sumber tetapi juga membolehkan penjimatian yang ketara disalurkan semula ke arah perkhidmatan dan infrastruktur awam, memaksimumkan kesan sosial dan memupuk ekuiti yang lebih besar dalam pengagihan subsidi.

**MOHIDEEN ABDUL KADER**  
Presiden Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang

HARI:

RABU

TARIKH:

5/2/2025

M/SURAT:

22

**Kuala Lumpur:** Menjelang Thaipusam, vendor dan pengikut Hindu di seluruh Malaysia berdepan cabaran kerana kekurangan bekalan dan kenaikan harga yang ketara bagi barang keperluan perayaan berkenaan terutamanya kelapa dan bunga.

Sehubungan itu, Bernama menemubual beberapa peruncit barang sembahyang pengikut Hindu di Kuala Lumpur untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai isu tersebut.

Seorang pemilik kedai di Pudu, Jayabalan Ramasamy, 57, berkata kelapa yang diperlukan untuk dua kegunaan dalam upacara perayaan itu, iaitu mengambil isinya dan memecahkan kelapa untuk dipecahkan.

"Pada kebiasaan-

## *Harga kelapa, bunga naik menjelang Thaipusam*

mecahkan kelapa dilakukan dalam kuantiti yang banyak, boleh mencapai 108 biji pada satu masa manakala kelapa lebih besar digunakan untuk memasak, dibeli secara individu malah harganya juga meningkat," katanya.

Di kedai runcit lain, kelapa dijual antara RM2.80 dan RM3 tetapi beliau merih beritahu kedainya menjual pada harga RM2.50 sahaja.

"Kami pernah menjual pada harga lebih murah sebelum ini bagaimanapun menaikkannya sebelum ta-

hun baharu kerana kami tidak menerima bekalan kelapa dan terpaksa membelinya daripada pemborong dengan kos lebih tinggi.

"Pembekal akan menentukan untuk menaikkan harga. Kadangkala, pembekal sendiri menghadapi kekurangan bekalan dan terpaksa mendapatkan kelapa daripada pihak lain yang menyaksikan permintaan tinggi, menaikkan harga dengan ketara," katanya.

Sementara itu, harga bunga melur juga melonjak menjelang Thaipusam.

Seorang pekerja ke-

dai bunga di Jalan Masjid India yang hanya mahu dienaliti sebagai Thiagu berkata harga bunga melambung tinggi berikutan permintaan yang tinggi.

"Bunga melur atau metali adalah bunga yang paling laris jualannya.

"Bunga melur, selain digunakan untuk upacara keagamaan pengikut Hindu, ia sering dipakai wanita sebagai perhiasan hiasan di rambut mereka. Disebabkan permintaan yang tinggi, ia amat sukar diperoleh dengan harga yang biasa kami beli sekitar RM30 kadangkala meningkat sehingga RM50," katanya.



KELAPA dijual antara RM2.80 dan RM3 sebiji.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 5 FEBRUARI 2025			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
5-Feb	Pemilik kedai cuci kereta, buruh didakwa simpan diesel haram	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/710730/berita/semasa/pemilik-kedai-cuci-kereta-buruh-didakwa-simpan-diesel-haram">https://www.sinarharian.com.my/article/710730/berita/semasa/pemilik-kedai-cuci-kereta-buruh-didakwa-simpan-diesel-haram</a>	SINAR HARIAN
5-Feb	PPM rampas 102,300 liter diesel subsidi, tahan enam lelaki	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/02/1183603/ppm-rampas-102300-liter-diesel-subsidi-tahan-enam-lelaki">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/02/1183603/ppm-rampas-102300-liter-diesel-subsidi-tahan-enam-lelaki</a>	HARIAN METRO
5-Feb	PPM rampas 102,300 liter diesel subsidi, tahan enam lelaki	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1357181/ppm-rampas-102300-liter-diesel-subsidi-6-lelaki-ditahan/">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1357181/ppm-rampas-102300-liter-diesel-subsidi-6-lelaki-ditahan/</a>	BERITA HARIAN
5-Feb	PPM rampas 102,300 liter diesel subsidi, 6 lelaki ditahan	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/ppm-rampas-102300-liter-diesel-subsidi-6-lelaki-ditahan/">https://www.buletintv3.my/nasional/ppm-rampas-102300-liter-diesel-subsidi-6-lelaki-ditahan/</a>	BULETIN TV3
5-Feb	PPM rampas 102,300 liter diesel subsidi, enam lelaki ditahan	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/04/ppm-rampas-102300-liter-diesel-subsidi-enam-lelaki-ditahan">https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/04/ppm-rampas-102300-liter-diesel-subsidi-enam-lelaki-ditahan</a>	UTUSAN BORNEO
5-Feb	PPM gagalkan cubaan seleweng diesel subsidi bernilai hampir RM700,000	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/710715/berita/semasa/ppm-gagalkan-cubaan-seleweng-diesel-subsidi-bernilai-hampir-">https://www.sinarharian.com.my/article/710715/berita/semasa/ppm-gagalkan-cubaan-seleweng-diesel-subsidi-bernilai-hampir-</a>	SINAR HARIAN
5-Feb	Polis Marin Sabah Gagalkan Cubaan Seludup Diesel Bernilai RM1.2 Juta Di Inanam	<a href="https://www.iloveborneo.my/polis-marin-gagal-seludup-diesel-inanam/">https://www.iloveborneo.my/polis-marin-gagal-seludup-diesel-inanam/</a>	ILOVEBORNEO
5-Feb	HANYA 10 PERATUS PKS DAFTAR MYIPO	<a href="https://penggerakdaily.com/business/hanya-10-peratus-pks-daftar-myipo/">https://penggerakdaily.com/business/hanya-10-peratus-pks-daftar-myipo/</a>	PENGERAK DAILY
5-Feb	Foreign national fined 10,000 for illegally possessing 68kg of cooking oil	<a href="https://dayakdaily.com/foreign-national-fined-rm10000-for-illegally-possessing-68kg-of-cooking-oil/">https://dayakdaily.com/foreign-national-fined-rm10000-for-illegally-possessing-68kg-of-cooking-oil/</a>	DAYAK DAILY

5-Feb	102,300 liters of diesel seized from store in Inanam	<a href="https://www.theborneopost.com/2025/02/04/102300-liters-of-diesel-seized-from-store-in-inanam/">https://www.theborneopost.com/2025/02/04/102300-liters-of-diesel-seized-from-store-in-inanam/</a>	BORNEO POST
5-Feb	102,300 liter diesel subsidi dirampas dan enam lelaki ditahan PPM Sabah	<a href="https://sabahkini2.org/en/news/6808/102300-liter-diesel-subsidi-dirampas-dan-enam-lelaki-ditahan-ppm-sabah/view">https://sabahkini2.org/en/news/6808/102300-liter-diesel-subsidi-dirampas-dan-enam-lelaki-ditahan-ppm-sabah/view</a>	SABAHKINI2.COM
5-Feb	Dua rakan tidak mengaku simpan 29,900 liter diesel tanpa lesen	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/dua-rakan-tidak-mengaku-simpan-29900-liter-diesel-tanpa-lesen/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/dua-rakan-tidak-mengaku-simpan-29900-liter-diesel-tanpa-lesen/</a>	UTUSAN MALAYSIA
5-Feb	Dua lelaki mengaku tidak bersalah miliki hampir 30,000 liter diesel tanpa lesen	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2389150">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2389150</a>	BERNAMA
5-Feb	Kenaikan tarif elektrik berikutan kesan domino, punca harga barang naik – Shahir	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/02/04/kenaikan-tarif-elektrik-berikutan-kesan-domino-punca-harga-barangan-naik-shahir/#google_vignette">https://malaysiagazette.com/2025/02/04/kenaikan-tarif-elektrik-berikutan-kesan-domino-punca-harga-barangan-naik-shahir/#google_vignette</a>	MALAYSIA GAZETTE